

Headline	600 pemantau harga sepanjang Ramadan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 May 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	273 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,396
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,187



## 600 pemantau harga sepanjang Ramadan

**KUALA LUMPUR 17 Mei** – Lebih 600 ahli Persatuhan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA) akan turun padang untuk memantau kenaikan harga barang di beberapa lokasi tumpuan orang ramai membeli-belah sepanjang Ramadan di seluruh negara bermula hari ini.

Presidennya, Datuk Dr. Jacob George berkata, kehadiran pemantau tersebut bertujuan untuk membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga barang sepanjang Ramadan ini.

“Disebabkan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad belum memberituk sebarang kementerian untuk memantau harga barang, kita mengambil ini-



JACOB GEORGE



NADZIM JOHAN

siatif ini untuk membantu pihak penguatuasaan agar pengguna tidak terbeban sekiranya ada kenaikan harga barang oleh peniaga tidak bertanggungjawab.

“Kita mahu mengalu-alukan pengguna untuk melaporkan sebuah barang aduan jika didapati ada

peniaga melanggar undang-undang yang ditetapkan sepanjang bulan Ramadan ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Jacob yang merupakan Pengerusi Majlis Tindakan Sara Hidup Negara memberitahu, pemantau harga CASSA akan berada di lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai seperti pasar awam, pasar pagi, pasar tani termasuk bazar untuk menjalankan pemeriksaan.

Mengulas lanjut tentang permasuhan cukai barang dan perkhidmatan (GST) oleh kerajaan baharu, beliau menganggap cukai tersebut memang membebankan pengguna sejak ia diper-

Headline	600 pemantau harga sepanjang Ramadan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 May 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	273 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,396
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,187

kenalkan pada 1 April 2015.

“Kita menerima 67 panggilan daripada peniaga dan pengguna yang menyambut baik pemansuhan GST.

“Sepatutnya cukai ini dimansuhkan kerana ia dilihat mengakibatkan peningkatan kos sara hidup pengguna sejak diperkenalkan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, setakat ini, pihaknya masih belum menerima sebarang aduan mengenai kenaikan harga barang pada Ramadan ini.

“Kita sudah mengenal pasti beberapa lokasi yang sering menerima aduan kerana barang naik harga disebabkan kawasan sekitar

tidak mempunyai banyak kedai atau pasar raya yang menjual barang keperluan asas untuk kegunaan pada bulan puasa ini.

“Walau bagaimanapun, kita berharap pemantauan berterusan membolehkan pengguna tidak ditipu dengan harga yang tidak masuk akal,” katanya.

Mengenai pemansuhan GST, Nadzim berkata, langkah itu merupakan satu permulaan yang baik, namun kerajaan perlu meningkatkan penguatkuasaan terhadap kenakan harga barang yang sering terjadi ketika bulan Ramadan.

“Pemansuhan GST amat baik, walau bagaimanapun, ada juga pihak tidak bertanggungjawab mengambil peluang menaikkan harga sesuka hati,” katanya.